

08 MAY 2002

Kelantan-Gadai

NIK AZIZ CABAR KU LI BUKTIKAN TUDUHAN KELANTAN GADAI TANAH

KOTA BAHARU, 8 Mei (bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini mencabar Tengku Razaleigh Hamzah supaya mengeluarkan bukti berhubung dakwaannya bahawa kerajaan Kelantan pimpinan Pas telah menggadai tanah kepada pihak swasta.

Sambil menyifatkan dakwaan itu sebagai fitnah, Nik Aziz berkata anggota Parlimen Gua Musang itu sengaja menimbulkan isu gadai tanah sebagai helah untuk menutup kelemahan dan masalah dalaman yang sedang dialami Umno Kelantan.

"Saya berani, saya cabar dia kalau ada bukti. Tidak ada satu inci pun tanah Kelantan yang saya gadai," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Nik Aziz berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Tengku Razaleigh pada Jumaat lepas bahawa kerajaan Pas Kelantan dipercayai mengulangi perbuatan menggadai tanah di beberapa kawasan di Hulu Kelantan kepada berpuluh-puluh syarikat swasta, kononnya untuk projek pembangunan kelapa sawit.

Mengikut laporan sebuah akhbar, Tengku Razaleigh berkata tindakan itu ada kaitan dengan kedudukan kewangan kerajaan negeri yang dikatakan semakin meruncing hingga kerajaan terdesak mengambil keputusan menggadai tanah terbabit seluas 50,000 hektar.

Nik Aziz berkata dalam usaha memajukan tanah negeri, kerajaan negeri tidak pernah menggadaikan tanah kepada pihak swasta, sebaliknya sesuatu kawasan yang ingin dibangunkan akan diserahkan kepada agensi-agensi kerajaan negeri seperti Yayasan Islam Kelantan, Yaysan Kelantan Darul Naim dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, bagi tempoh tertentu dengan sejumlah bayaran.

Beliau berkata kebiasaannya agensi kerajaan negeri berkenan akan bekerjasama dengan pihak swasta bagi membangunkan sesuatu projek, tetapi tanah itu masih atas nama agensi kerajaan berkenaan dan bukannya pihak swasta.

Berhubung dengan cabaran Perdana Meenteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ahad lepas supaya kerajaan Pas Kelantan menunaikan janji untuk melaksanakan pembangunan di negeri itu, Nik Aziz berkata projek pembangunan negeri memang telah berjalan.

Katanya kerajaan negeri melaksanakan pembangunan sekadar dimampui manakala kerajaan pusat turut membelanjakan berjuta-juta Ringgit melaksanakan pelbagai projek seperti membina sekolah baru, klinik dan jambatan.

Nik Aziz berkata dakwaan kerajaan pusat bahawa tidak ada pembangunan di Kelantan adalah tidak benar kerana banyak perubahan fizikal boleh dilihat di negeri itu selain pelaburan yang dibuat oleh swasta.

"Memang berlaku pembangunan di Kelantan dengan pusat sendiri membelanjakan wang. Pusat sendiri buat pembangunan kemudian dia kata tak ada (pembangunan), tidakkah ini pelik," katanya.

-- BERNAMA

RAR NMO